

31 JUL 2002

LID-MAHATHIR/I

PERKONGSIAN PINTAR PERLU MELAMPAUI PERNIAGAAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 31 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Perkongsian Pintar yang digalakkan oleh kumpulan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), perlu melampaui faedah arena perniagaan dan komersil.

Dengan itu, terdapat keperluan untuk mencari cara kerjasama yang baru di kalangan masyarakat negara, kata Perdana Menteri dalam perutusan buku cenderamata Global 2002.

Dr Mahathir merupakan penaung dan penasihat LID.

"Asas Perkongsian Pintar yang telah berkembang membantu kita menangani pembangunan utama yang berterusan dalam perubahan corak perdagangan dan persaingan, inovasi teknologi dan globalisasi maklumat.

"Kita bertemu sekarang semasa kesedaran peristiwa malapetaka 11 Sept, dengan masyarakat global mendapati dirinya pada persimpangan yang penting, mencari arah baru setelah kita berusaha ke arah keamanan, keselamatan dan kemakmuran bersama untuk semua.

"Keamanan dan keselamatan perlu mempunyai sokongan masa depan bersama yang adil dan saksama serta yang menjanjikan tindakan dalam satu bahagian besar masyarakat dunia," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kesemua dialog sebelum ini membincangkan mengenai isu-isu dalam mewujudkan Perkongsian Pintar untuk kemajuan bersama dalam pembangunan.

"Kita teruskan kemajuan yang penting ini dalam dialog kali ini yang telah dicapai di peringkat negara, serantau dan antarabangsa tetapi dengan menambah dimensi peristiwa sedih 11 Sept.

"Sebagai masyarakat global, kita kini dicabar oleh pembahagian asas dalaman dan pemahaman manusia, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata tradisi Dialog Perkongsian Pintar dalam dialog antarabangsa kali ke-10 ini akan diteruskan.

Ucapan berterus terang yang dinamik, interaski peribadi, kepercayaan dan perkongsian yang didapati pada Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar akan tentunya membawa kita kepada kemakmuran bersama dalam dunia, katanya.

Dr Mahathir berkata pendidikan dan akses kepada maklumat yang membawa ke arah perkongsian masyarakat global masih mempunyai ruang untuk diisi.

"SMART links", buletin berita rasmi the LID 2002, mentakrifkan perkongsian pintar sebagai mewujudkan peluang-peluang tanpa had dan kekayaan yang dikongsi, mapan dan membolehkan negara anggota LID berfungsi dalam ekonomi global.

Ia merupakan satu rangka kerja baru bagi kerajaan dan syarikat-syarikat untuk menjalankan perniagaan dalam konteks antarabangsa berdasarkan kepada idea hubungan "sama-sama menang" dan "kemakmurkan jiran".

Menurut Buletin berkenaan, Perkongsian Pintar berfungsi dengan menyediakan idea dan prinsip kepada tindakan yang membawa kepada pertumbuhan yang cepat di kalangan negara-negara membangun dan maju serta dalam perubahan yang tidak diduga dengan cara yang fleksibel dan responsif.

Buletin itu juga menyatakan bahawa Perkongsian Pintar hanya merupakan satu unsur dalam formula untuk kejayaan yang bergantung kepada banyak faktor termasuk persekitaran politik dan ekonomi, kebudayaan dan sistem nilai manusia. -- BERNAMA

MFZ MKO TS NHD